

# PM umum dana RM21 juta bantu mangsa banjir

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan dana segera RM10 juta melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), bagi membantu mangsa banjir di Sabah.

Perdana Menteri berkata, peruntukan berkenaan bagi membantu membaik pulih kemudahan asas dengan segera.

“Selain peruntukan sebanyak RM11 juta yang disalurkan melalui kerajaan negeri, saya meluluskan peruntukan segera RM10 juta melalui NADMA bagi disalurkan terus kepada mangsa yang terkesan untuk membaiki segera kemudahan asas.

“Kerajaan MADANI akan memastikan setiap keluarga yang

terkesan untuk segera menerima bantuan.

“Saya menyeru semua pihak bersatu dan berpadu tenaga serta mengutamakan semangat ihsan demi membantu rakyat seluruhnya.

“Zahirkan semangat kebersamaan dan kepedulian serta tanggungjawab bersama dalam menempuh ujian dahsyat ini,” katanya menerusi Facebook, semalam.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) sebelum ini memaklumkan 415 mangsa banjir daripada 113 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara dan sebuah pusat pemindahan kekal di negeri itu

pagi semalam.

Sebanyak 14 kampung di Penampang dan lapan di Beaufort terjejas akibat banjir.

Sementara itu BERNAMA melaporkan, kerajaan Sabah membatalkan sambutan Hari Malaysia peringkat negeri dijadualkan di Kota Kinabalu, malam ini, berikutan bencana yang sedang melanda negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor, berkata bencana yang berlaku akibat hujan berterusan menjejaskan sekurang-kurangnya tujuh daerah dan keutamaan kerajaan untuk mengurus krisis, menyelaras usaha pemulihan dan memastikan operasi menyelamatkan dilaksanakan dengan pantas.



Anggota Pertahanan Awam menyelamatkan mangsa banjir di Kampung Ketiau, Putatan, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)